

Tumpu isu kos sara hidup

UM - 20/2/2019 m/s: 6

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 FEB.**

KOS sara hidup dan tadbir urus baik merupakan isu yang diberikan perhatian oleh rakyat.

Perkara itu dijelaskan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila berbual dengan masyarakat.

Tegas Ahli Parlimen Port Dickson itu, hanya sebahagian sahaja yang mengambil tahu mengenai perihal politik negara.

“Apabila saya berbual dengan masyarakat di bawah, isunya tidak lain selain daripada kos sara hidup dan tadbir urus. Hanya beberapa orang yang ambil tahu tentang politik pada ketika mereka perlu mengikat perut.

“Lelaki (dan perempuan) lebih suka jika ahli politik memberi fokus kepada usaha memperbaiki ekonomi dan keadaan negara,” katanya menerusi cia-



ANWAR IBRAHIM

pan dalam akaun Twitter beliau hari ini.

Anwar berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Pas bahawa wujud usaha untuk mengetepikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam kalangan pemimpin Pakatan Harapan (PH).